Program *Impact Digital Entrepreneurship Apprentice @ KPT (IDEA@KPT) 2021* telah dianjurkan oleh KPT pada 28.04.2021 hingga 21.11.2021. POLISAS adalah antara empat politeknik yang terpilih untuk menerima hadiah berbentuk dana sebanyak RM4155.40. Penyertaan dari POLISAS adalah seorang mentor (Encik Mohd Ridhuan bin Ismail) dan tiga orang pelajar (Muhammad Mustaqim bin Ahmad Surin, Naizatulsalwa binti Mohd Nor dan Wan Noor Aishah binti Wan Azlan). Peserta-peserta telah didedahkan dengan konsep-konsep pemasaran digital, terutamanya melalui media sosial serta dipadankan dengan usahawan IKS bagi membantu pembangunan operasi perniagaan secara digital. Program ini adalah sebagai living lab untuk mereka mengaplikasi ilmu berkenaan pemasaran digital secara langsung dan praktikal serta merealisasikan inisiatif pelan strategi pemasaran digital kepada usahawan IKS yang terpilih.

ANUGERAH KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI 2021

Anugerah Keusahawanan KPT 2021 merupakan salah satu program kolaborasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang bertujuan menyemarakkan agenda keusahawanan di negara. Ini selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030). POLISAS telah disenaraikan sebagai finalis dalam tiga kategori dari lima kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori A (Anugerah Institusi Terbaik), Kategori C (Anugerah Perusahaan Graduan Terbaik) dan kategori D (Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik).

KATEGORI A: ANUGERAH INSTITUSI TERBAIK

POLISAS merupakan salah satu finalis daripada tiga buah politeknik yang telah dipilih oleh panel penilai. Anugerah penganugerahan telah diadakan pada 21 Disember 2021 di Hotel Marriot Putrajaya. Sebagai finalis POLISAS berjaya membawa pulang hadiah sebanyak RM10,000.00. Anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada Universiti/ Politeknik/ Kolej Komuniti yang cemerlang dan komited dalam memberi aspirasi dan pembangunan dalam bidang keusahawanan. Kriteria penilaian anugerah ini merangkumi ekosistem keusahawanan, impak dan keberhasilan dalam aspek keusahawanan, kakitangan yang inovatif dan mempunyai ciri keusahawanan dan penglibatan pemegang taruh.



KATEGORI C: ANUGERAH PERUSAHAAN GRADUAN TERBAIK



En. Amirul Riezwan Bin Azlan
CEO of ML Bersatu Enterprise

Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf kecemerlangan graduan yang memiliki syarikat pemula (*start-up*) atau perusahaan baru yang dapat menjana keuntungan yang memuaskan dan dapat memberikan impak positif kepada pemegang taruh (*stakeholder*). Anugerah ini juga merupakan platform bagi mengenalpasti graduan yang memiliki syarikat pemula yang berpotensi untuk mendapatkan dana atau pelaburan daripada agensi yang berkenaan. Anugerah ini disertai oleh graduan yang memiliki perniagaan dan berjaya menguruskan perniagaan dalam tempoh 1-3 tahun dan mempunyai kesinambungan hubungan sinergi yang positif dengan institusi terdahulu. Encik Amirul Riezwan Bin Azlan telah tersenarai sebagai finalis bagi anugerah ini. Beliau merupakan graduan POLISAS, iaitu pemegang Diploma Pengajian Perniagaan (*e-dagang*). Sekarang beliau merupakan Ketua Eksekutif kepada ML Bersatu Enterprise.

KATEGORI D: ANUGERAH MENTOR KEUSAHAWANAN TERBAIK

Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik bertujuan untuk mengiktiraf mentor yang cemerlang dalam membimbing pelajar di IPT dengan memberikan inspirasi serta membantu memenuhi kehendak dan aspirasi keusahawanan. Anugerah ini juga memberi peluang bagi mengiktiraf pencapaian mentor dalam memberi impak yang lebih meluas dengan menunjukkan kebolehan seseorang individu memacu serta menyokong matlamat dalam bidang keusahawanan yang dibangunkan dan disediakan oleh Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti kepada para pelajar. Pengiktirafan ini diberi kepada mentor yang menunjukkan kecemerlangan dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan agenda keusahawanan di IPT. Puan Suriati binti Ahmad, pensyarah Jabatan Perdagangan POLISAS telah tersenarai sebagai finalis bagi anugerah ini.



PENGANJURAN PROGRAM PERINGKAT JPPKK "NATIONAL VIRTUAL PITCHING COMPETITION NVPC 2021"

National Virtual Pitching Competition 2021 (NVPC 2021) merupakan pertandingan dalam bidang keusahawanan di peringkat kebangsaan yang menyediakan ganjaran hadiah terkumpul melebihi RM20,000. NVPC 2021 merupakan program anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan dikelola oleh Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Program yang bertemakan *Talented, Creative and Innovative* ini terbuka secara percuma kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Ianya merupakan salah satu platform persediaan untuk para pelajar berhadapan dengan cabaran persaingan ekonomi global dan arus perubahan teknologi yang berkait secara langsung dengan revolusi industri 4.0. Sempena NVPC 2021, turut diadakan program *Bootcamp: "Let's Make Your Pitch"* pada 14 Oktober 2021. Jumlah penyertaan adalah 396, ini menunjukkan ianya telah mendapat sambutan dari politeknik dan kolej komuniti. Sesi Penjurian diketuai oleh Dr. Umar Haiyat Abdul Kohar (Ketua Juri) dari Universiti Teknologi Malaysia bersama 21 pakar keusahawanan dari IPT terpilih. Proses penjurian ini menggunakan Inovasi Sistem Penjurian iaitu 3S (*Smart Score System*) yang dibangunkan oleh En Ridzuan bin Ismail, pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.



WEBINAR KEUSAHAWANAN ROAD TO IR 4.0 ENTREPRENEURS

Webinar Keusahawanan Road to IR 4.0 Entrepreneurs telah dilaksanakan selama lima hari. Program ini bertujuan untuk mengembangkan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan sebagai persediaan menghadapi situasi perniagaan masing-masing. Seramai 200 orang pelajar keusahawanan yang mengambil kursus digital *entrepreneurship* & *entrepreneuership*, ahli kelab myagrosis & inkubator dan juga penglibatan usahawan-usahawan luar yang mempunyai perniagaan sendiri. Webinar ini telah dikendalikan oleh tiga orang pensyarah keusahawanan digital yang berkemahiran tinggi di dalam dunia keusahawanan digital iaitu Puan Mastura Mustafa dari Kolej Komuniti Temerloh, Puan Asmarul Shazila Binti Adnan Kolej Komuniti Pasir Salak dan En Ridzuan bin Khalid dari Kolej Komuniti Rompin.



PROGRAM KERJASAMA STRATEGIK MEDAC-KPT : SISWA E-MALL (IDEA, PRODUCT AND COMMERCIAL (i-PROCOM)

Program ini merupakan program kerjasama antara MEDAD-KPT serta Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) peringkat nasional yang berimpak tinggi ke arah menyokong agenda keusahawanan kementerian. Matlamat program ini adalah untuk memberi pendedahan dan latihan keusahawanan yang sesuai kepada 50 orang mentor dan pelajar dari IPT. POLISAS telah menghantar satu penyertaan yang terdiri dari seorang mentor dan empat orang pelajar. POLISAS tersenarai sebagai finalis dan pembentangan serta penjurian akan dibuat dalam tahun 2022.

- ALUMNI

Alumni merupakan entiti berkepentingan di dalam sistem pendidikan di Politeknik Malaysia di mana ia menyokong segala bentuk perancangan aktiviti yang dirangka berdasarkan KPI yang telah ditetapkan. Walaupun Alumni tidak dimasukkan dalam salah satu KPI Politeknik bagi Tahun 2021, Alumni masih tetap memainkan peranannya dalam memartabatkan POLISAS sebagai sebuah institusi pendidikan yang terbaik dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional (TVET).

Tahun 2021 masih lagi merupakan tahun cabaran yang mana dunia masih lagi berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang menyebabkan berlakunya perubahan dalam norma kehidupan seharian. Walaubagaimanapun, peranan alumni masih sama walaupun berhadapan dengan norma baharu.

Alumni POLISAS yang masih dipimpin oleh Encik Abd Razak bin Sadli, alumni POLISAS tahun 1978 yang berpengalaman luas dalam memimpin organisasi kerajaan dan bukan kerajaan sentiasa aktif dalam mengerakkan aktiviti Alumni bersesuaian dengan situasi semasa dan era pandemik Covid-19. Walaupun ianya agak terbatas, beberapa program bilateral di antara alumni dan politeknik telah berjaya dilaksanakan. Antaranya *Webinar Talk with Alumni* yang telah disertai oleh pelajar-pelajar Program Diploma Kesetiausahaan, Jabatan Perdagangan bersama penceramah yang terdiri dari Alumni Polisas tahun 2015 iaitu Puan Nurul Akiera binti Zakaria yang berkongsi pengalaman dan amalan baik yang perlu dilakukan oleh bakal Setiausaha apabila melangkah ke alam pekerjaan sebenar. Begitu juga dengan beberapa sesi perkongsian ilmu yang lain seperti penglibatan enam orang Alumni sebagai panel penilai dalam *Civil Engineering Research and Innovation Seminar (CERIS)*. Dalam seminar tersebut banyak maklumat yang telah dikongsi bersama pelajar tahun akhir dalam memastikan graduan yang bakal dilahirkan lebih bersedia terutama dalam melaksanakan penyelidikan dan inovasi.

Selain daripada perkongsian ilmu oleh Alumni bersama pelajar, terdapat juga aktiviti yang melibatkan tenaga pengajar iaitu *Webinar Technology Update: Geospatial in Pandemic Era* bagi Program Geomatik, POLISAS. Program ini memberi pendedahan kepada pensyarah berkaitan dengan teknologi terkini (*Geospatial*) yang boleh digunakan dalam tempoh pandemik seperti penggunaan GPS, Drone, Satelit dan sebagainya serta perkongsian pengetahuan Geospatial dalam bidang tertentu seperti kajian kes pandemik COVID-19 juga memastikan para pensyarah dapat mengaplikasikan Geospatial dalam bidang Geomatik. Perkongsian ini menjadikan pensyarah lebih kompeten dalam memdepani cabaran terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di era pandemik covid-19.

Alumni juga amat perihatin tentang keinginan pelajar yang terkesan dengan Covid-19 yang dikuranti di kamsis untuk menikmati burger. Alumni telah memberi sedikit kegembiraan kepada 320 pelajar dengan menyumbangkan "*Burger Special*" kepada mereka.

Program Bersama Penilai dalam Anugerah Keusahawanan KPT 2021 juga telah melibatkan Alumni 2018 iaitu Encik Amirul Riezwan bin Azlan yang mana ianya telah meningkatkan imej POLISAS yang bersama-sama membantu usaha KPT yang mampu melahirkan bukan sahaja usahawan tetapi juga "*Job creator*".

Alumni POLISAS yang dilantik sebagai ahli majlis penasihat industri, ahli majlis penasihat keusahawanan dan penasihat program tetap utuh memberikan pandangan dan cadangan bagi memajukan lagi politeknik melalui sesi libat urus yang diadakan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi Alumni, En Abd Razak bin Sadli (Alumni 1979); Pn. Siti Hajar binti Ahmad (Alumni 1993); Dr Abdul Syukor bin Abd Razak (Alumni 1993); Ir Mohd Azhar Helmi Soo bin Abdullah (Alumni 1994) dan alumni-alumni lain yang telah menganggotai jawatankuasa penasihat industri, keusahawanan dan program dan menyumbangkan buah fikiran dan idea yang bernas.


Dengan penglibatan Alumni dalam pelbagai aspek, sudah tentunya ia juga berperanan dalam memartabatkan POLISAS sebagai sebuah institusi pendidikan yang terbaik dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional (TVET) walaupun tahun 2021 masih lagi dibelenggu Covid-19.

AKTIVITI KERJASAMA BILATERAL ANTARA ALUMNI DAN POLITEKNIK POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN, PAHANG BAGI TAHUN 2021

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penyertaan Alumni	Perbelanjaan / Sumbangan (RM)
1.	Webinar Talk with Alumni DSK 2021	04 Jun 2021	POLISAS (Google Meet)	1 orang alumni – Cik Nurul Akiera Binti Zakaria (Penceramah)	-
2.	Sumbangan Persatuan Alumni POLISAS kepada penghuni Kamsis (Sumbangan Covid-19 POLISAS)	11 Jun 2021	POLISAS	1 orang alumni – Bendahari Persatuan Alumni POLISAS Sumbangan Burger	1120.00
3.	Civil Engineering Research and Innovation Seminar (CERIS)	15 Julai 2021	POLISAS (MS Teams)	6 orang alumni sebagai panel penilai	500
4.	Mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat Industri POLISAS Bil 1/2021	24 Ogos 2021	POLISAS	4 orang alumni 1. En Abd Razak bin Sadli (Alumni 1979) 2. Pn. Siti Hajar binti Ahmad (Alumni 1993) 3. Dr Abdul Syukor bin Abd Razak (Alumni 1993) 4. Ir Mohd Azhar Helmi Soo bin Abdullah (Alumni 1994)	-
5.	Webinar Technology Update: Geospatial in Pandemic Era Bagi Program Geomatik, POLISAS	05 Oktober 2021	Secara atas talian CISCO WEBEX	Sr. Dr. Abd Wahid Bin Rasib	-
6.	Anugerah Keusahawanan KPT (Bersama Panel Penilai)	29 Oktober 2021	POLISAS	En. Amirul Riezwan bin Azlan (Alumni 2018)	300



Anugerah Keusahawanan KPT (Bersama panel Penilai)



Webinar Technology Update: Geospatial in Pandemic Era Bagi Program Geomatik, POLISAS



Sumbangan Persatuan Alumni POLISAS kepada penghuni Kamsis
(Sumbangan Covid-19 POLISAS)

- PENGINAPAN PELAJAR (KAMSIS)

STATISTIK MENGIKUT ASRAMA DAN STATUS BILIK

BIL	ASRAMA	JUMLAH
1	Kolej Kediaman Al-Ghazali	700
2	Kolej Kediaman Al-Biruni	909
3	Kolej Kediaman Ibnu Sina	672
	JUMLAH	2281

KOLEJ KEDIAMAN AL-GHAZALI				
BIL	BLOK	JUMLAH PENGHUNI	KOSONG / TUTUP	KAPASITI SEBENAR
1	AA	88	8	96
2	AB	71	25	96
3	AC	82	14	96
4	AD	64	26	90
5	AE	91	5	96
6	AF	96	0	96
7	AG	24	72	96
8	AH	90	6	96
9	AI	94	2	96
JUMLAH		700	158	858

KOLEJ KEDIAMAN AL-BIRUNI				
BIL	BLOK	JUMLAH PENGHUNI	KOSONG / TUTUP	KAPASITI SEBENAR
1	BA	97	1	98
2	BB	98	4	102
3	BC	96	0	96
4	BD	100	2	102
5	BE	94	4	90
6	BF	100	2	102
7	BG	70	32	102
8	BH	29	73	102
9	BI	90	0	90
10	BJ	54	6	60
11	CC	81	25	115
JUMLAH		909	141	1059

KOLEJ KEDIAMAN IBNU SINA				
BIL	BLOK	JUMLAH PENGHUNI	KOSONG / TUTUP	KAPASITI SEBENAR
1	CA	353	14	367
2	CB	319	48	367
JUMLAH		672	62	734

AKTIVITI ASRAMA (KAMSIS) TAHUN 2021

KEM THE FAITH

Diadakan pada 9 - 11 April 2021 di Polisas. Melibatkan 200 orang penghuni asrama yang berlangsung selama 3 hari 2 malam. Pelbagai aktiviti ilmiah seperti LDK dan ceramah diadakan. Kem ini memberi fokus kepada pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar kolej.



TAKLIMAT & DIALOG BERSAMA KETUA FELO SESI DIS 2020

Diadakan pada 5 Mac 2021 di Dewan Sri Mahkota. Sesi dialog ini diadakan pada setiap awal semester melibatkan semua pelajar baru. Taklimat berkaitan pengurusan asrama dan aktiviti juga diberikan. Penghuni diberi peluang bertanya pelbagai persoalan berkaitan asrama. Objektif program ini adalah untuk memastikan penghuni lebih mengenali pengurusan asrama dan kehidupan di asrama.



MALAM ANUGERAH KOLEJ 2021

Diadakan pada 23 Disember 2021 di Dewan Sri Mahkota dan dirasmikan oleh Ketua Jabatan Hep, Polisas. Aktiviti setiap hujung semester ini diadakan bagi menghargai penghuni yang telah bergerak aktif dan menyumbang sesuatu yang bermanfaat kepada asrama. Anugerah Penghuni Terbaik Keseluruhan atau Anugerah Ketua Felo bagi setiap kolej adalah Anugerah Tertinggi pada malam itu. Ia diberikan kepada penghuni yang cemerlang dalam setiap lapangan sepanjang semester.



SUKAN KOLEJ KEDIAMAN (SUKAP 16.0)

Berlangsung selama sebulan iaitu bermula 20 November 2021 hingga 20 Disember 2021. Pelbagai acara sukan diadakan sepanjang sebulan ia berlangsung. Lokasi utama adalah Padang Utama Polisas dan gelanggang-gelanggang sukan Polisas. Selain aktiviti sukan ia juga dapat mengeratkan ukhuwah sesama penghuni selain melahirkan warga kampus yang sihat.



PUSAT PEMBANGUNAN TEKNOLOGI - CFoST (CENTER OF FOOD SCIENCE & TECHNOLOGY)

Centre of Food Science & Technology (CFoST) terus komited memperkasakan *Centre of Technology (CoT)* sebagai pusat teknologi berprestasi tinggi dalam bidang tujuannya iaitu Teknologi Makanan dan Pengurusan Halal. Kolaborasi industri, khidmat perundingan, penyelidikan dan inovasi serta penerbitan terus diperkukuhkan bagi menjayakan hasrat tersebut.

KOLABORASI

Kolaborasi Aktif Bersama Industri

BIL	PROJEK	RAKAN INDUSTRI
1	Pembangunan Formulasi Produk Oblong	AKIE GROUP SDN BHD
2	Pembangunan Formulasi Sosej	
3	Pembangunan Formulasi Sos Cili	
4	Latihan Industri Pelajar	
5	Kursus Latihan Pengendali Makanan	
6	3rd International Halal Management Conference	
7	Sangkutan Industri Pensyarah	
8	Latihan Industri Pelajar	AUDITASK (M) SDN. BHD.
9	Sangkutan Industri Pensyarah	
10	Program Webinar : Fundamental Of GMP And HACCP Implementation	
11	Program International Food Oratory Competition 2021	AUDITASK (M) SDN. BHD.
12	Sumbangan Penulisan Artikel Dalam Food Digest	
13	Program International Food Oratory Competition 2021	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
14	Lawatan Penanda Aras	
15	Carnival Of Research And Innovation 2021	
16	Program International Food Oratory Competition 2021	PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
17	Kursus Pemantapan Editor Food Digest Magazine JTM	
18	Latihan Industri Pelajar	FLAVORISTA SDN BHD
19	Mesyuarat Bersama Panel MBOT	
20	Latihan Industri Pelajar	JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG
21	Mesyuarat Bersama Panel MBOT	
22	Pembentangan Akhir Projek Pelajar Jabatan Teknologi Makanan (SESI DISEMBER 2020)	

BIL	PROJEK	RAKAN INDUSTRI
23	Kursus Tatacara Audit Dan Pemantauan Sijil Halal Malaysia	JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG
24	Kursus Penyembelihan Halal	
25	Latihan Industri Pelajar	PEJABAT KESIHATAN DAERAH KUANTAN
26	Pembentangan Akhir Projek Pelajar Jabatan Teknologi Makanan (SESI 1 2021/2022)	



Rajah 1 (a): Aktiviti Kolaborasi Bersama IBTE, IPTA dan Industri Tahun 2021

Projek / Aktiviti Perkongsian Ilmu

BIL	JENIS PERKONGSIAN ILMU	KUANTITI	SKOP
1	Student Exchange / Attachment	5	Food Processing & Analysis
2	Industry Enviroment Experience	1	Halal Slaughtering
3	Sharing Of Expertise / Visiting Lecturers	6	R&I and T&L
4	Staff Exchange / Attachment	2	Staff Training (Food Processing & Safety)
5	Others (Panel Program / Meeting)	7	T&L and Curriculum Advisor



Rajah 1 (b): Sesi Perkongsian Ilmu & Kursus Tahun 2021

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Penilaian Proposal

BIL	TAJUK	KETUA PENYELIDIK	STATUS
1	Smart Premix Powder Weighing Machine	Ts Mohd Syafarim Mohd Ishak	Proses Perlaksanaan
2	Pembangunan Formulasi Sosej Ayam & Daging	Nor Aishah Akmal A.Rahman	Penyelidikan Lengkap
3	Pembangunan Formulasi Sos Cili	Siti Nakiah Shaikh Ahmad	Proses Perlaksanaan
4	Pembangunan Formulasi Mayonis	Zaida Zakaria	Proses Perlaksanaan
5	Pembangunan Formulasi Oblong Daging & Ayam Serta Rekabentuk Label	Munirah Ab Majid	Proses Perlaksanaan

Penyelidikan Lengkap

BIL	TAJUK	KETUA PENYELIDIK	STATUS
1	Pembangunan Formulasi Sosej Ayam & Daging	Nor Aishah Akmal A.Rahman	Syarikat AKIE GROUP Sdn Bhd ingin memperkembangkan produk sejukbeku di pasaran Semenanjung Malaysia. Syarikat ini telah memasarkan produk pattie ayam dan pattie daging. Pengurus syarikat berhasrat untuk menghasilkan produk baharu iaitu produk sosej berasaskan daging dan ayam.



Rajah 2 (a): Projek Penyelidikan dan Inovasi Bersama Akie Group Sdn Bhd

Geran Penyelidikan

BIL	TAJUK	PENYELIDIK	JUMLAH GERAM (RM)
1	The Development of Fresh Water Fish Pellet Made Of Industrial Food Waste	Husna Hawa Mohd Hassan, Nordalilah Wahab, Wan Nur Suzilla Wan Yusuf, Mohd Mukhriz Mohd Kasim, Mohd Ridzuan Abdul Rasyid	87,000



Rajah 2 (b): Geran Penyelidikan bagi TVET Applied Research Grant Scheme (T-ARGS) Tahun 2021

KONSULTANSI

BIL	NAMA PELANGGAN	BIDANG	NAMA PERUNDING
1	AKIE GROUP SDN. BHD	Membangunkan Formulasi Oblong	Munirah Ab Majid
2	DISA FOODS SDN BHD	Pemprosesan Pembungkusan Produk Soya (Tempe)	Nordalilah Wahab
3	AKIE GROUP SDN. BHD	Pembangunan Formulasi Mayonis	Zaida Zakaria
4	AKIE GROUP SDN. BHD	Mereka Bentuk Mesin Penimbang TVP	Kafiza Ahmad Kamarulzaman
5	CG ENERGY RESOURCE SDN BHD	Mereka Bentuk Mesin Pengupas Kulit Bawang	Aida Haryati Muda
6	AKIE GROUP SDN. BHD	Penyediaan Dokumen Bagi Persijilan GMP, HACCP & HALAL	Ts Mohd Syafarim Mohd Ishak
7	AKIE GROUP SDN. BHD	Pembangunan Formulasi Sosej	Nor Aishah Akmal A.Rahman
8	AKIE GROUP SDN. BHD	Pembangunan Formulasi Sos Cili	Siti Nakiah Shaikh Ahmad
9	AKIE GROUP SDN. BHD	Mereka Bentuk Mesin Penimbang Tepung	Dr Zulhishamuddin Abd Rahman
10	JABATAN PERTANIAN NEGERI PAHANG	Jangka Hayat Produk Halia	Nor Aishah Akmal A.Rahman
9	SYARIKAT IZZS MAJU ENTERPRISE	Pembungkusan Produk Pop Corn Secara Panggilan Telefon	Nor Aishah Akmal A.Rahman
10	AKIE GROUP SDN. BHD	Merekabentuk Smart Premix Powder Weighing Machine	Ts Mohd Syafarim Mohd Ishak



Rajah 3: Mesyuarat Konsultansi Bersama Rakan Industri

PENERBITAN

Seminar/Conference Prosiding

BIL	PENULIS	TAJUK	SEMINAR / CONFERENCE
1	Mohd Syafarim Md Ishak, Wan Khairul Azli Wan Zaki	Akie Group Sdn. Bhd.: Study on Consumer Perceptions of the Selection of Halal Products	3rd International Halal Management Conference (IHMC) 2021
2	Nordalilah Wahab, Husna Hawa Mohd Hassan, Wan Nur Suzilla Wan Yusuf, Rabiatal Alawiyah Jahwi, Mohd Mukhriz Mohd Kasim, Mohd Ridzuan Abdul Rasyid	Physicochemical and Microbial Analysis of Plant-based Foodwaste & Potential used as an Animal Feed	2nd Energy Security & Chemical Engineering Congress (ESChE 2021)
3	Husna Hawa Mohd Hassan, Nordalilah Wahab, Wan Nur Suzilla Wan Yusuf, Rabiatal Alawiyah Jahwi, Mohd Mukhriz Mohd Kasim, Mohd Ridzuan Abdul Rasyid	Animal and Fish Feed Potential: Proximate Composition & Microbiological Quality of Local Chicken, Fish and Squid Food Waste	1st International Conference on Plantation Technology

Digest

BIL	TAJUK	eISSN
1	Food Digest Jan-Jun 2021 Issue 15	eISSN 2785-9258



Rajah 4: Food Digest Issue 15 and E-Proceeding IHMC 2021

PENGIKTIRAFAN

Peringkat Antarabangsa

BIL	NAMA	TAJUK	PENGANJUR	TARIKH	PENCAPAIAN
1	Ts Mohd Syafarim Mohd Ishak	Deoiling Machine	RESPEX 2021/ Kerjasama Pendidikan Tinggi Medan, Indonesia	2021	Pingat Emas
2	Ts Mohd Syafarim Mohd Ishak	Deoiling Machine	AIINEX 2021/ Asia Connection & Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)	17/10/2021	Anugerah Emas
3	Ts Mohd Syafarim Mohd Ishak	Deoiling Machine	AIINEX 2021/ Asia Connection & Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)	17/10/2021	The APRA Special Awards



Rajah 5 (a): Pengiktirafan Peringkat Antarabangsa Tahun

Peringkat Kebangsaan

BIL	NAMA	TAJUK	PENGANJUR	TARIKH	PENCAPAIAN
1	Husna Hawa Mohd Hassan	The Effect of Different Type of Flour On The Physicochemical Properties of Soy Bean Waste Noodle	MPCCSust Award21 / JPPKK Dengan Kerjasama Politeknik Sultan Idris Shah	8/10/2021	Anugerah Ikon Hijau POLYCC 2021
2	Ts Mohd Syafarim Mohd Ishak	Deoiling Machine	Pusat Penyelidikan & Inovasi, JPPKK	9/3/2021	Anugerah Emas
3	Nik Hairiah Nik Mohamad Ravi	e-JTM Method of Analysis	PRIN 2021/ Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia	9/9/2021	Pingat Emas
4	Ts Zaleha Ismail	i-ProCS Interactive Preparation of Chemical Solution	Innovation Competition And Exhibition (INCEX2021) / Kolej Komuniti Kuala Langat	25/8/2021	Pingat Perak



Rajah 5 (b): Pengikhtirafan Peringkat Kebangsaan Tahun 2021

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Pembangunan Bahan (Modules / Latihan)

BIL	TAJUK	PENULIS	KEGUNAAN
1	Pemprosesan Nugget	Siti Shafini Muhammad & Nor Aishah Akmal	Bahan Pengajaran Bagi Kursus Pemprosesan
2	Produk Hasil Surimi	Siti Shafini Muhammad & Nor Aishah Akmal	Bahan Pengajaran Bagi Kursus Pemprosesan
3	Kursus Breaking Bread	Rubyatun Mohd Jaiz	Bahan Pengajaran Bagi Kursus Pemprosesan

Program Latihan Yang Dijalankan

BIL	PROGRAM	BIDANG
1	Sijil Latihan Pengendali Makanan Online SIRI 1-18 TAHUN 2021	Keselamatan Makanan
2	Sijil Professional Halal Eksekutif Online SIRI 1-18 TAHUN 2021	Pengurusan Halal & Keselamatan Makanan
3	Kursus Breaking Bread	Pemprosesan Makanan



Rajah 6: Program Latihan yang dilaksanakan tahun 2021

PENDAPATAN

BIL	SUMBER	PERKARA	PENDAPATAN (RM)	GRANT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Research (T-ARGS)	The Development of Fresh Water Fish Pellet Made of Industrial Food Waste		87,000.00	87,000.00
2	Training Program	Sijil Latihan Pengendali Makanan Sijil Professional Halal Eksekutif Kursus / Latihan	59,040.00		59,040.00
2	Konsultansi	Perkhidmatan Khidmat Rundingan	3,900.00		
JUMLAH KESELURUHAN (RM)					149,940.00

RUMUSAN

BIL	PENUNJUK	ELEMEN	PENCAPAIAN (KUANTITI) 2021
1	KOLABORASI	Rakan Kolaborasi Aktif	8
		Jenis Perkongsian Ilmu	5
2	PENYELIDIKAN & INOVASI	Penilaian Proposal	5
		Penyelidikan Lengkap	1
		Geran Penyelidikan	RM87,000.00
3	KONSULTANSI	Khidmat Perundingan (Projek)	12
		Pendapatan Konsultansi	RM3,900.00
4	PENERBITAN	Journal	0
		Conference / Seminar Proceeding	3
		Digest	1
5	PENGIKTIRAFAN	Peringkat Antarabangsa	3
		Peringkat Kebangsaan	4
6	PENGAJARAN & PEMBELAJARAN	Pembangunan Bahan (Modul / Latihan)	5
		Program Latihan	7
		Pendapatan Latihan	RM59,040.00
7	Pendapatan Keseluruhan		RM149,940.00

SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN BEKUALITI 5S (QE5S)

POLISAS komited dengan amalan QE5S bagi mewujudkan budaya penambahbaikan kerja yang berterusan dan persekitaran kerja yang bersih, selesa dan selamat dalam menghasilkan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti. Objektif QE5S adalah untuk mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, kemas dan sistematik dengan cara mengadakan gotong royong dan audit dalaman sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Jawatankuasa QE5S telah merancang pelbagai aktiviti sepanjang tahun bagi memastikan amalan QE5S adalah secara berterusan dan menjadi satu budaya bagi warga Polis dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:



Gotong Royong Perdana
Siri 1: 11/1/2021 - 15/11/2021
Siri 2: 17/5/2021 - 21/05/2021



Audit Dalaman
Siri 2: 22/2/2021 – 5/3/2021
Audit Susulan: 24/5/2021 - 25/5/2021

Audit QE5S oleh auditor MPC telah dijalankan pada 12 Ogos 2021 secara di atas talian dan Polis telah berjaya memperolehi semula Persijilan QE5S yang bertarikh 12 OGOS 2021 hingga 11 OGOS 2022. Polis telah mendapat TIGA BINTANG dan berada dalam kategori CEMERLANG. Keseluruhan markah yang diperolehi adalah 89%.



Audit MPC 12 OGOS 2021
Secara Di atas Talian



Sijil QE5S
12 Ogos 2021 hingga 11 OGOS 2022

Secara keseluruhannya Amalan QE5S di polisas dapat dilaksanakan dengan jayanya atas kerjasama dan disiplin serta komitmen yang tinggi dikalangan warganya. Diharap Amalan murni ini akan dilaksanakan secara berterusan untuk mengekalkan prestasi penyampaian perkhidmatan organisasi yang cemerlang kerana amalan 5S ini dapat memupuk semangat kerja berpasukan, disiplin diri dan dapat meningkatkan rasa tanggungjawab serta sayang kepada organisasi.

LAWATAN PENILAIAN PEMATUHAN AKREDITASI PENUH PROGRAM SECARA MQAVA BAGI PROGRAM DIPLOMA SAINS KESETIAUSAHAAN (DSK) DAN DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN (DLS) JABATAN PERDAGANGAN, POLISAS

Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program bagi Program Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK) dan Diploma Pengurusan Logistik dan Rantai Bekalan (DLS) Jabatan Perdagangan, POLISAS telah dilaksanakan secara atas talian (MQAVA) oleh pegawai dan penilai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Proses penilaian merangkumi sesi temubual dengan pihak pengurusan, staf akademik dan pelajar, menyemak dan menilai dokumen asal yang disediakan secara digital serta melawat secara online ke makmal, peralatan dan sumber pendidikan berkaitan dengan program yang dinilai.

Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program bagi Program Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK) telah dijalankan pada 10 November 2021 melibatkan Ketua Program dan 14 orang pensyarah kursus. Program ini telah dinilai oleh Puan Zalina binti Ibrahim selaku Ketua Panel Penilai MQA (APP MQA). Bagi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantai Bekalan (DLS), lawatan Penilaian Pematuhan Penuh Program telah dijalankan pada 17 November 2021 dan dinilai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Muhammad Zaly Shah bin Muhammad Hussein (APP MQA). Penilaian program DLS melibatkan Ketua Program dan 14 orang pensyarah kursus. Kedua-dua penilaian program ini turut dibantu oleh dua orang pegawai dari MQA iaitu Puan Hanimasra binti Ab Mukhti dan Puan Nur Farahana binti Mohd Taib.

Bagi Program Diploma Akauntasi (DAT) dan Program Senibina (DSB) tidak terlibat dengan lawatan penilaian akreditasi penuh secara MQAVA tetapi perlu menghantar dokumen tambahan kepada pihak MQA untuk penilaian akreditasi pematuhan tersebut. Kedua-dua program ini telah pun mengemukakan dokumen tambahan tersebut kepada pihak MQA secara atas talian pada 17 Disember 2021.



Sesi Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Secara MQAVA bagi Program Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK) MQAVA pada 10 November 2021



Sesi Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Secara MQAVA bagi Program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantai Bekalan (DLS) pada 17 November 2021

UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN (ULPL)

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) adalah unit yang dipertanggungjawab untuk mengurus dan mengendalikan latihan (kursus/seminar/bengkel/taklimat) kepada kakitangan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) ke arah kecemerlangan pengurusan dan pendidikan selaras dengan visi Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK) & Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK). ULPL bertanggungjawab dalam perkembangan staf akademik dan sokongan akademik dari segi kemahiran dan pengetahuan termasuk mempertingkatkan aras kompetensi setiap staf melalui pelaksanaan Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP).

Selain daripada itu, ULPL juga bertanggungjawab untuk melaksanakan kursus dan program yang diarahkan oleh pihak BKPK seperti kursus Program Peningkatan Kemahiran (PPK), *Career Path Competency Matrix* (CPCM) dan *English Enhancement Program* (EEP) yang bertujuan untuk meningkatkan kompetensi staf akademik di setiap politeknik.

Selain daripada mengendalikan kursus dalaman di peringkat politeknik, ULPL juga mengelolakan Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang merupakan pelaksanaan pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh diikuti oleh semua lapisan masyarakat dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keterampilan individu yang seterusnya dapat menyumbang kepada masyarakat dan juga sektor pekerjaan.

ULPL komited untuk menjalinkan hubungan dengan pihak-pihak luar dalam menyediakan kemudahan yang kondusif dan memenuhi keperluan latihan yang sesuai kepada masyarakat, industri serta agensi sekitar melalui Program PSH ini seperti Kursus Pendek, Kursus Terlanggan, Kursus Secara Sambilan (KSS) dan *Reskilling & Upskilling* di bawah program *Time Sector Privatisation* (TSP) selaras dengan visi Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) & JPPKK.



Rajah: Bilangan Pelaksanaan Kursus oleh ULPL Sepanjang Tahun 2021

ANTARA PELAKSANAAN KURSUS PENDEK, TERLANGGAN DAN *RESKILLING & UPSKILLING* DI BAWAH PROGRAM TSP

Kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM)

Kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM) ini diwajibkan kepada pengusaha produk berasaskan makanan dengan pengawasan yang sewajarnya dan latihan dalam pengendalian makanan bagi memastikan mereka mampu mengamalkan sistem keselamatan makanan.

Individu yang bertanggungjawab dalam membangunkan dan mengekalkan prosedur pengurusan keselamatan makanan dalam perniagaan berasaskan makanan haruslah menerima latihan yang secukupnya bagi membolehkan mereka menjalankan tugas mereka.

Di Malaysia, adalah wajib bagi setiap pengendali makanan untuk menghadiri kursus pengendalian makanan dan mendapatkan suntikan *typhoid* selaras dengan AKTA MAKANAN 1983 dan akta pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit 1988 yang apabila gagal mematuhi peraturan tersebut dan disabitkan kesalahan individu tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun.

Sepanjang tahun 2021, Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) POLISAS di bawah kendalian ULPL telah melaksanakan sebanyak 19 Siri Kursus LPM melibatkan pihak industri dan juga komuniti setempat. Kebanyakan kursus tersebut dilaksanakan secara dalam talian sebagai usaha untuk mengekang penularan Covid-19, berdasarkan kebenaran dan panduan pelaksanaan Kursus LPM yang dikeluarkan oleh pihak KKM.




Sesi Bergambar Bersama Peserta-Peserta Kursus Latihan Pengendali Makanan

Kursus Eksekutif Halal JAKIM

POLISAS merupakan Penyedia Latihan Halal (PLH) berdaftar di bawah Halal Profesional Board (HPB) JAKIM semenjak tahun 2018 dan telah melaksanakan beberapa siri Kursus Eksekutif Halal (HE) semenjak memperolehi sijil PLH daripada pihak JAKIM. Sepanjang tahun 2021 ini, Pusat Latihan Halal (PLH) POLISAS telah berjaya melaksanakan 8 siri Kursus Eksekutif Halal yang melibatkan pelajar dan staf politeknik, orang perseorangan serta pihak industri yang terlibat dalam industri makanan.

Kursus Eksekutif Halal merupakan sebuah kursus yang diiktiraf oleh JAKIM. Kursus ini membolehkan peserta memperolehi Sijil Eksekutif Halal yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk melahirkan Eksekutif Halal yang kompeten yang dapat membangun dan mengurus Sistem Pengurusan Halal dalaman syarikat yang mengeluarkan produk halal atau menyediakan perkhidmatan pengurusan halal.

Memandangkan keadaan negara yang masih berdepan dengan penularan Covid-19, semua kursus tersebut telah dilaksanakan secara dalam talian mengikut panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM.



Sesi Majlis Penutup bersama Hajah Norehan Binti Silek, Pengarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan sebelum sesi Penilaian Akhir dijalankan

Prestasi Kehadiran Mengikuti Latihan Bagi Tahun 2021

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) telah menetapkan setiap pegawai awam perlu mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun. Namun begitu, disebabkan pandemik Covid-19 yang masih melanda negara pada tahun 2021, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi melalui Mesyuarat PPSM KPT Bil.1/2021 bertarikh 04 Mac 2021 telah menetapkan jumlah hari berkursus bagi warga KPT adalah sekurang-kurangnya tiga (3) hari setahun.

Bagi memastikan keperluan berkursus tersebut dipenuhi, pihak ULPL sedaya upaya mengadakan pelbagai kursus untuk keseluruhan kakitangan POLISAS agar sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai. Secara keseluruhannya POLISAS berjaya mencapai sasaran bilangan hari latihan yang telah ditetapkan. Berikut merupakan statistik kehadiran latihan bagi tahun 2021.

Jadual 3: Bilangan Staf Mengikuti Latihan Tahun 2021

BILANGAN HARI LATIHAN	BILANGAN STAF (ORANG)	PERATUS (%)
0 Hari *	0	0 %
Kurang 3 Hari *	0	0 %
> 3 Hari	532	100 %
Jumlah Staf	532	100 %

*Tidak mencapai sasaran bilangan hari kursus disebabkan alasan munasabah.

Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) / Latihan Sangkutan Industri (LSI)

Program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) / Latihan Sangkutan Industri (LSI) ini telah dikenal pasti sebagai salah satu program yang relevan untuk memperkasa kerjaya pensyarah di politeknik dan kolej komuniti. Program ini bukan sahaja memberi penekanan kepada ilmu secara teori tetapi juga perlu seiring dengan perkembangan teknologi di sektor industri di samping memberi pendedahan kepada budaya kerja dalam pelbagai sektor industri. Secara tidak langsung program ini dilihat mampu menghasilkan pensyarah-pensyarah yang kompeten dan berkualiti dalam menyampaikan ilmu dan teknologi kepada pelajar-pelajar di institusi masing-masing.

Namun begitu, keadaan pandemik Covid-19 yang masih melanda negara pada tahun 2021 ini memberi kesan kepada pensyarah untuk membuat permohonan bagi menjalani SIP / LSI memandangkan kebanyakan sektor industri juga terkesan akibat Covid-19.

Jadual 4: Bilangan Pensyarah Menjalani SIP/LSI Tahun 2021

BIL	JABATAN	BILANGAN
1	JKA	2
2	JTM	3
Jumlah		5

Kursus Career Path Competency Matrix (CPCM) dan Program Peningkatan Kemahiran (PPK)

Pada tahun 2021 POLISAS telah menganjurkan dua (2) kursus CPCM dan satu (1) kursus PPK kepada pensyarah-pensyarah politeknik dan juga kolej komuniti yang telah disenaraikan oleh pihak BKPK.

Kursus CPCM adalah kursus yang mempersiapkan kebolehan dan keterampilan pegawai sesuai dengan jawatan yang disandang dan kedudukan dalam hierarki kepimpinan.

Kursus PPK pula adalah kursus komplementari kepada CPCM dalam membentuk potensi pegawai. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran yang menyokong pelaksanaan P&P dan meningkatkan kompetensi bidang pengkhususan pensyarah. Skop kursus PPK adalah mengikut bidang pengkhususan masing-masing. Kursus CPCM dan PPK merupakan salah satu kriteria wajib dalam unsur penilaian Pembangunan Diri.


Pada tahun 2021 ini, pihak BKPK telah menetapkan agar pelaksanaan semua kursus CPCM dan PPK dilaksanakan secara dalam talian memandangkan keadaan negara yang masih berdepan dengan ancaman Covid-19.

Jadual 5: Kursus PPK Tahun 2021


BIL	NAMA KURSUS	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	TEMPAT
1	PPK: Effective Presentation Skills Siri 2	28/06/2021	02/07/2021	Dalam Talian

Jadual 5: Kursus CPCM Tahun 2021


BIL	NAMA KURSUS	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	TEMPAT
1	CPCM: Scientific Writing in TVET Siri 2	02/08/2021	04/08/2021	Dalam Talian
2	CPCM: Web Conferencing for Professionals Siri 1	03/08/2021	05/08/2021	Dalam Talian



Sesi Bergambar Bersama Peserta-peserta Kursus PPK: *Effective Presentation Skills* Siri 2



Sesi Bergambar Bersama Peserta-peserta Kursus CPCM: *Scientific Writing in TVET* Siri 2



Sesi Bergambar Bersama Peserta-peserta Kursus CPCM: *Web Conferencing for Professionals* Siri 1

Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti bagi tahun 2018 – 2025 telah memberi panduan jelas untuk terus melaksanakan tindakan yang terancang bagi menyokong peningkatan kualiti pendidikan negara. Pelan ini mengandungi ENAM teras strategik yang memfokuskan kepada 14 objektif strategik yang selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Teras yang berkait dengan CoE ialah teras keenam iaitu membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi yang mempunyai satu objektif iaitu melestari ekosistem penyelidikan dan inovasi.

Bagi membudayakan penyelidikan gunaan dan inovasi, teras strategik keenam ini menumpukan kepada memasyarakatkan penyelidikan dan penemuan ilmu baharu atau penghasilan produk inovasi. Walaupun Malaysia sudah mencatat kemajuan yang besar dari segi kuantiti dan kualiti penyelidikan, lebih banyak usaha boleh dilakukan untuk mempertingkatkan bilangan harta intelek dan pengkomersialan serta penggunaan dana dan geran yang berkaitan melalui kolaborasi dengan institusi pendidikan tinggi TVET.

Centre of Excellence (CoE) POLISAS telah bergiat aktif dengan meningkatkan budaya penyelidikan gunaan dan inovasi di kalangan ahli akademik. Beberapa penyelidikan gunaan dan inovasi telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Begitu juga dengan kuantiti pendaftaran harta intelek.

VISI


Menjadi pusat rujukan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan yang cemerlang

MISI

Melaksanakan pengurusan penyelidikan, inovasi, penerbitan, pertandingan, pengkomersilan dan KIK dengan efisien dan berintegriti


MATLAMAT

Menghasilkan produk penyelidikan dan inovasi yang berkualiti tinggi




BIL	AKTIVITI	JABATAN, BILANGAN PENYELIDIKAN & INOVASI			JUMLAH	PERINGKAT
1	Pembentangan Penyelidikan TVET Pensyarah	JKA	=	1		☐ Antarabangsa = 1 ☐ Kebangsaan = 0 ☐ Institusi = 0
		JKE	=			
		JKM	=			
		JTM	=			
		JP	=			
		JMSK	=			
		JPA	=			
		ADM	=			
2	Pembentangan Inovasi Pensyarah / Pelajar	JKA	=			☐ Antarabangsa = 1 ☐ Kebangsaan = 2 ☐ Institusi = 0
		JKE	=	2		
		JKM	=			
		JTM	=			
		JP	=	5		
		JMSK	=			
		JPA	=			
3	Penerbitan Kertas, penyelidikan, buku, e-book, e-magazine)	JKA	=	31		☐ Antarabangsa = 18 ☐ Kebangsaan = 72 ☐ Institusi = 0
		JKE	=	5		
		JKM	=	11		
		JTM	=	15		
		JP	=	20		
		JMSK	=	5		
		JPA	=	3		
4	Pertandingan	JKA	=	23		☐ Antarabangsa = 18 ☐ Kebangsaan = 40 ☐ Institusi = 0
		JKE	=	5		
		JKM	=	6		
		JTM	=	15		
		JP	=	5		
		JMSK	=	1		
		JPA	=	3		


Statistik Penerbitan Kertas Penyelidikan & Buku bagi Tahun 2021 Mengikut Jabatan



Statistik Penerbitan (Kertas Penyelidikan & Buku) POLISAS, 2021



Statistik Penyelidikan dan Inovasi Pensyarah dan Pelajar



Pembentangan Penyelidikan TVET Pensyarah

No	Staff Member (Name)	Achievement / Involvement			Level
		Research / Concept Paper	Publication	ISSN / ISBN	
1	Noor Khairul Idham Bin Nordin	Soil Characterisation & its effect on depth accuracy using Ground Penetrating Radar	2nd International Conference on Innovative Technology & Science 2021 (IC.ITS21)	Bronze	International

Penerbitan (Kertas penyelidikan, buku, e-book, e-magazine)

No	Staff & Students (Name)	Achievement / Involvement			Level
		Innovation	Involvement	Achievement	
1	Faizah Amir, Noor Hayati Hamzah, Najmi Hafizi Nabawi	Development of Key Management System 2.0 (Kemas 2.0) Sing Rfid & Biometric Scanner Based on Arduino Mega 2560 Pro & Nodemcu	International Conferences on Advanced Social Research in Education, Management & Society (Icasrems2021)	Best Video Concept	International
2	Zarina Binti Hj Ibrahim, Muhamad Zufar Aziz Bin Mohd Suhaimi (Pelajar), Siti Nur Rabi'ah Binti Muhamad Hussein (Pelajar)	Smart Planting System	Iam 2021- International Innovation Arsvot Malaysia 2021	Silver	National
3	Yasmin Adlina Binti Mohd Yusoff, Wan Maimunah Binti Wan Ishak & Raja Mahani Binti Raja Sulaiman	I- Kanvas Model Perniagaan	PERISA 2021	Bronze	National

Pembentangan Inovasi Pensyarah / Pelajar

No	Staff Member (Name)	Achievement / Involvement				Form of Publication
		Research / Concept Paper & Book Title	Publication	ISSN / ISBN	Level	
1	Zalinawati Binti Muhamad	Effect of Fabric Orientations on Mechanical Properties of Hybrid Jute-Ramie Reinforced Unsaturated Polyester Composites	International Journal of Precision Engineering & Manufacturing-Green Technology	ISSN 2288-6206 eISSN 2198-0810	International	Research paper
2	Norliana Binti Bakar	Performance of Bamboo Fiber Reinforced Composites: Mechanical Properties	Key Engineering Materials (Volume 879)	ISSN 978-3-0357- 3830-8	International	Research paper
3	Suhaimi Bin Yajid Hazriesyam Bin Amir Mustapha Affendi Bin Deris	Kajian Penyelidikan Bagi Pembinaan Lengkung Keamatan-Tempoh Frekuensi (Idf Curve) Bagi Daerah Pekan, Pahang Menggunakan Kaedah Gumbel	ANP Journal of Social Science and Humanities	ISSN 2773-482X eISSN 2785-8863	National	Research paper

No	Staff Member (Name)	Achievement / Involvement				Form of Publication
		Research / Concept Paper & Book Title	Publication	ISSN / ISBN	Level	
4	Mohd Faeiz Ekram bin Mohd Jasmani	Language Learning Strategies Employed by Civil Engineering Students of Polytechnic in a Synchronous Learning Setting	e-proceeding: International Conference of Research on Language Education (I-RoLE) 2021	e-ISBN: 978-967-19537-0-9	International	Research paper
5	Rasyidi bin Abdullah	Sifat Kebimbangan Di Kalangan Atlet Futsal Politeknik Malaysia Semasa Kejohanan Liga Futsal IPT	e-proceeding: National Conference In Sports & Co-Curriculum 2021 (Nasco2021)	eISBN 978-967-11901-1-1	National	Research paper
6	Fara Adura Bt Mohd Yusoff, Muhammad Arfan Bin Sabri	Pengurusan Inventori di 7-Eleven Cawangan Kuantan Parade	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
7	Dr. Rozita Bt Mokhtar, Raidah Zakirah Bt Mohamad Razif, Roshifahadini Bt Ramli	Rankaku-Ko Chillies	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
8	Muhammad Zamrin Maliki, Nurnabilah Bt Roslan, Azmina Arifah Bt Zainal Abidin	l'Aila: Bebas Serangga, Bebas Bahan Kimia	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
9	Munirah Bt Abdul Ghafur, Fadhilah Bt Mohamad, Muhammad Aizlan Yusyairi Bin Anuar	Pengurusan Inventori Proton Service Center Semambu	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
10	Dr. Roshamimi Bt Faisal, Norehan Bt Silek, Muhammad Safuan Abd Rahman	Produk Inovasi Phone Charger on Motorcycle (PCOM)	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
11	Dr Rozita Bt Mokhtar, Syed Mohamad Fikrie Bin Syed Abas, Syahmi Hazirah Bin Shukri	Bio-Schabenfalle	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
12	Fauziah Bt Esman, Asmelinda Bt Ismail, Nur Arina Syazan Bt Rusdi	Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Sisa Dengan Press Smart Bin	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
13	Munirah Bt Abdul Ghafur, Muhammad Aniq Syaqr Bin Muhammad Asri, Muhammad Nazrul Bin Daud	Topi Keledar Sicureza	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
14	Fara Adura Bt Mohd Yusoff, Nur Izzah Atira Bt Hanafi, Nur Nazmin Awanis Bt Ayob	Cabaran & Keberkesanan Program Smart Trucker di PKT Logistics Group Sdn. Bhd.	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
15	Fauziah Bt Esman, Azizah Bt Mohd Tamamuddin, Thanes A/L Elangovan	Penggunaan Soil Moisture Watering System Untuk Melestarikan Bumi Hijau	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper
16	Sheirafeiza Bt Ibrahim, Fauziah Bt Esman, Wan Muhammad Imran Bin Zaid	Penggunaan Burni Bag Untuk Melestarikan Bumi Hijau	Jurnal Pendidikan POLISAS 2021	ISSN 2289-9588	National	Research paper

No	Staff Member (Name)	Achievement / Involvement				Form of Publication
		Research / Concept Paper & Book Title	Publication	ISSN / ISBN	Level	
17	Jusma Bt Jaafar, Manizawati Bt Zainal Abidin	Pemurnian Buku Panduan Pengurusan & Perlaksanaan Projek Akhir Diplom Kejuruteraan Awam di Jabatan Kejuruteraan Awam, Polisas	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
18	Masita Bt Hassan, Sujaihah Bt Razali	Relationship Between Mental Health with Job Satisfaction Among The Support Staff at One of The Polytechnics in Malaysia	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
19	Nur Bazilah binti Ishak, Suhaimi bin Yajid	Kajian Bahan Tambah Getah Asli ke Dalam Bitumen	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
20	Nor Akmal Binti Mohamad, Sarvinder Singh Al Hacharam Singh, Noor Izzan Binti Nordin	Kajian Tindakan: Amalan Ref Leksi Dalam Pelaksanaan Penilaian Portfolio	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
21	Hazriesyam Amir Bin Mustapha, Muhammad Faris Bin Ismail, Mohd Hafizi Faiz Bin Zulkifli	Kajian Pengaplikasian Penggunaan Produk Inovasi Papan Cahaya 'Light Board' dalam Pembelajaran Atas Talian	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
22	Jusma Binti Jaafar	Kajian Keberkesanan Penggunaan Mudball Terhadap Sampel Air di Tasik Pelindung, Kuantan, Pahang	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
23	Emmy Liana binti Ayob, Sharifah Haslinda binti Syed Harun, Siti Asmahani binti Mohamed	Video Tutorial Sebagai Alat Tambah Pembelajaran dan Pengajaran	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
24	Asrul bin Zakaria	Faktor dan Kesilapan Dalam Penandaan Arah Kiblat Skop Kajian: Daerah Kuantan	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
25	Sharifah Izyani Binti Syed Yusoff	VR360: Tinjauan Pendekatan Aplikasi Video Interaktif Berbentuk Realiti Maya Sebagai Medium untuk Menyampaikan Kandungan Pembelajaran	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
26	Nik Nor Asima binti Ariffin	Sistem QR Code Dalam Pengurusan Pekerja Di Tapak Bina	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
27	Noraishah Binti Mustapa	Kajian Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Pelajar Program Geomatik Bagi Kursus DCG20063 Field Astronomy dalam Penentuan Azimuth Menggunakan Kaedah Pengiraan Cerapan Matahari Secara Manual	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper

No	Staff Member (Name)	Achievement / Involvement				Form of Publication
		Research / Concept Paper & Book Title	Publication	ISSN / ISBN	Level	
28	Rozalina binti Ab Rashid, Wan Noor Hin binti Mior Sani	Penggunaan Cengkerang Sebagai Bahan Campuran dalam Menghasilkan Bata Simen	Minda Teknokrat 3.0	ISSN 2289-7437	National	Research paper
29	Nor Akmal Binti Mohamad, Sharifah Adawiah Syed Ahmad	Education 4.0 At First Sight	Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC2021)	e-ISBN 978-967-2829-23-2	International	Research paper
30	Masita Binti Hassan, Sujaihah Binti Razali	Relationship Between Mental Health with Job Satisfaction among the Support Staff in a Polytechnic in Malaysia	National Creative Design Digest 7th Edition, 2021	ISSN 2289-9839	National	Research paper
31	Dr. Julia Binti Md. Tukiran	Explore Plants with QR code in Campus Area	National Creative Design Digest 7th Edition, 2021	ISSN 2289-9839	National	Research paper
32	Zalinawati Binti Muhamad	Effect of Stacking Sequences, Fabric Orientations, & Chemical Treatment on the Mechanical Properties of Hybrid Woven Jute-Ramie Composites	International Journal of Precision Engineering & Manufacturing- green Technology	Online ISSN 2198-0810/ Print ISSN 2288-6206	International	Research paper
33	Zalinawati Binti Muhamad	The Effect of Hybridisation on Mechanical Properties & Water Absorption Behaviour of Woven Jute/Ramie Reinforced Epoxy Composites	Polymers		International	Research paper
